

22/04/1998

Nyata maya pembantu, pemusnah sejagat

VIRTUAL reality atau realiti maya (VR), teknologi yang sering dikaitkan interaksi manusia dengan dunia khayalan, persekitaran tidak wujud di alam nyata tetapi seolah-olah boleh menjelma di depan mata.

Teknologi itu yang dianggap penemuan sains dalam era teknologi maklumat (IT), membolehkan manusia meramal atau membayangkan sesuatu keadaan dalam bentuk elektronik sebelum ianya diwujudkan dalam alam nyata.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika berucap merasmikan seminar Virtual Reality 98, anjuran Universiti Malaysia Sarawak (UMS), baru-baru ini, membincangkan bagaimana teknologi berkenaan dapat membantu manusia dan dalam masa yang sama boleh mendatangkan kesusahan kepada orang ramai.

Sambil memberi contoh bagaimana teknologi VR dapat menolong manusia, misalnya, dalam bidang penerbangan yang menggunakan alat simulasi penerbangan bagi melatih juruterbang.

Melalui VR, juruterbang tidak perlu melakukan penerbangan sebenar, sebaliknya hanya duduk di kokpit dan mempelajari selok belok penerbangan tanpa perlu menempuh bahaya seperti kapal terbang terhempas akibat kecuaiannya manusia.

"Segala kelemahan dan kesilapan juruterbang dapat diperbaiki dan diperbetulkan tanpa membabitkan perbelanjaan besar," katanya.

Dr Mahathir juga memberi contoh keburukan teknologi VR membabitkan urusan niaga mata wang di peringkat antarabangsa.

Katanya, urusan niaga mata wang antarabangsa beroperasi menggunakan kaedah VR yang mana pelabur tidak perlu meminjam wang secara tunai, sebaliknya cukup dengan mengubah angka pada skrin komputer.

Bagaimanapun, katanya, kesan dagangan urusan niaga secara maya itu menyebabkan ramai pihak di alam nyata menderita sama ada kehilangan pekerjaan, syarikat muflis dan negara menjadi miskin.

Kawan bersetuju dengan pandangan PM kerana kesan penggunaan teknologi dengan tidak disertai asas moral yang kukuh tidak dapat membantu manusia mempertingkatkan potensinya kepada ketinggian darjat kemanusiaan melebihi darjat haiwan dan malaikat.

Teknologi yang sepatutnya memudahkan manusia menjalani kehidupan di dunia sebaliknya menjadi duri dalam daging apabila ia menyusahkan ramai pihak, memusnahkan usaha pembangunan yang sudah dilaksanakan berpuluh tahun dan kemungkinan negara yang terkena serangan itu kembali dijajah.

Walaupun selepas ini mungkin ada ahli sains yang menjumpai pelbagai penemuan terbaru dalam bidang teknologi yang dicanangkan sebagai dapat membantu manusia, ia boleh juga disalahgunakan sebagai senjata bagi membuatkan manusia tunduk kepada mereka.

KAWAN: Hadapi alam nyata dengan tabah, tidak selesai masalah secara maya.

(END)